

Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

UKM JCN/151/2
26 Oktober 2015

Semua
Dekan/Pengarah/Pengetua
Fakulti/Institut/Pusat/Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN KESELAMATAN KAMPUS

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak pengurusan Universiti telah meminta supaya semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keselamatan di kawasan masing-masing supaya kampus UKM mempunyai persekitaran dan prasarana yang selamat, berisiko rendah, selesa dan ceria serta mesra pengguna.

3. Sehubungan itu, semua PTJ diminta mengambil ingatan dan tindakan mengenai perkara-perkara seperti berikut :


- (1) Kakitangan yang bekerja di luar waktu pejabat, cuti am dan cuti umum perlu mendapat kelulusan pihak Dekan/Pengarah Fakulti/Institut dan nama staf tersebut dimaklumkan kepada Bahagian Keselamatan;
- (2) Pelajar dibenarkan berada di kawasan umum Fakulti/Institut/Pusat sehingga jam 11.00 malam sahaja bagi tujuan mengelakkan berlaku salah laku dan pelajar perlu mendapat kelulusan pihak Dekan/Pengarah Fakulti/Institut selepas waktu tersebut;
- (3) Peraturan pelajar berada dalam makmal penyelidikan selepas waktu pejabat perlu mendapat kelulusan pihak Dekan/Pengarah Fakulti/Institut dan nama pelajar dimaklumkan kepada Bahagian Keselamatan untuk tujuan keselamatan apabila berlaku kebakaran dan sebagainya;
- (4) PTJ diminta membuat pemeriksaan dan mengunci semua bilik yang menyimpan aset yang bernilai seperti LCD, komputer, komputer riba (*notebook*) dan sebagainya. Tindakan akan diambil ke atas PTJ yang masih gagal mematuhi arahan tersebut;
- (5) PTJ diminta menamakan dua (2) orang kakitangan yang bertanggungjawab untuk memastikan semua bilik seminar dan dewan kuliah dikunci selepas jam 11.00 malam serta lampu dan pendingin hawa dimatikan dan dibuka semula jam 7.00 pagi;

- (6) kebenaran keluar/masuk Warga UKM dan pelawat di pintu masuk utama akan diperketat. Orang luar dan kenderaan yang tiada pelekat tidak dibenarkan memasuki kampus selepas jam 11.00 malam;
- (7) Ketua Pentadbir di setiap PTJ diminta memastikan keselamatan PTJ masing-masing.
- (8) Peraturan kolej akan dikuatkuasakan seperti berikut :
 - a. waktu senyap 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi;
 - b. pelajar tidak boleh berada di bilik pelajar lain selepas jam 12.00 tengah malam;
 - c. Pihak luar / bukan warga kampus tidak boleh berada di dalam kawasan kolej selepas jam 12.00 tengah malam.
- (9) Langkah penjimatan yang perlu diambil tindakan segera seperti berikut;
 - a. Kebanyakan lampu tandas di bangunan Fakulti/Institut/Pusat tidak tutup pada waktu malam. PTJ diminta memastikan tandas lampu ditutup pada waktu malam.
 - b. Lampu koridor dan tangga setiap aras bangunan Fakulti/Institut/Pusat hendaklah ditutup pada waktu malam dan Kolej Kediaman Pelajar pula lampu perlu dipasang bagi tujuan keselamatan penghuni;
 - c. Memastikan peralatan elektrik dan lampu di bilik rehat (*pantry*) ditutup pada waktu malam.
 - d. Fakulti/Institut/Pusat perlu pastikan lampu di bilik seminar/tutorial ditutup pada waktu malam selepas digunakan dan menampal notis untuk pastikan pengguna terakhir menutup lampu ditutup.
 - e. Memastikan lampu di pejabat am ditutup waktu malam.

Ini adalah usaha dan tanggungjawab bersama dan kerjasama Y.Bhg Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



PROF. DATIN NOOR AZIAH MOHD AWAL

Timbalan Naib Canselor

(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

s.k. - Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia